

05 APR 1996

Samy - Tabung

MIC AMBIL TINDAKAN KUTIP HUTANG PINJAMAN

MELAKA, 5 Apr (Bernama) -- MIC akan mengambil tindakan undang-undang ke atas bekas penuntut institut-institut pengajian tinggi yang belum menjelaskan pinjaman daripada tabung pendidikan MIED parti itu.

Presidennya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata hutang sebanyak RM12 juta masih belum dijelaskan sejak pinjaman mula diberikan lapan tahun lalu.

"Kita telah memberikan pinjaman berjumlah RM19 juta kepada 4,500 penuntut di universiti tempatan dan luar negeri dalam tempoh itu," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan dengan pemimpin MIC Melaka di sini malam tadi.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata sebanyak 1,300 nama bekas peminjam telah disenaraikan untuk diambil tindakan.

"Tindakan peminjam yang mengabaikan pembayaran balik pinjaman itu akan menutup peluang lebih banyak lagi pelajar untuk mendapatkan bantuan," katanya.

Samy Vellu berkata sikap mereka sangat mengecewakan kerana ia memberi masalah kepada usaha MIC, yang sedang mengalakkan kaum India terutama generasi muda meneruskan pendidikan ke peringkat tinggi.

Tahun ini, sebanyak 1,600 pelajar telah memohon untuk mendapatkan pinjaman, katanya.

MIC juga telah melancarkan kempen mengutip derma daripada semua cawangan MIC bagi tujuan menambah jumlah wang tabung berkenaan dengan matlamat mengumpulkan sasaran RM6.5 juta.

Samy Vellu berkata kutipan itu akan berjalan sehingga 31 Julai dan setakat ini sebanyak RM1 juta telah dikumpul.

Mengenai permohonan MIC supaya negeri-negeri diberi tambahan anggota exco daripada lapan kepada 10 orang, beliau berkata parti itu telah merayu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya membuat keputusan.

MIC telah memohon supaya satu kerusi exco diberikan kepada wakilnya di Perak, Melaka dan Johor. -- BERNAMA

MOZ NAK